KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

EKSPO TVET@KKDW 2025 CATAT SAMBUTAN LUAR BIASA, BUKTI MINAT TINGGI TERHADAP TVET MASA DEPAN

Ekspo TVET@KKDW 2025 anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melabuhkan tirainya hari ini selepas tiga hari penganjuran bermula 10 Oktober 2025, dengan **mencatat kehadiran seramai 333,560 pengunjung secara fizikal dan dalam talian**, melepasi sasaran asal sebanyak 300,000 orang.

Mengangkat tema **"TVET Masa Depan: Berkemahiran, Berinovasi, Berteknologi Tinggi,"** edisi ketujuh ekspo ini menampilkan pelbagai inovasi dan teknologi baharu dalam bidang kemahiran termasuk kecerdasan buatan (AI), robotik dan digitalisasi, hasil kerjasama strategik antara pemain industri dan agensi dan institusi latihan di bawah KKDW.

Ekspo TVET@KKDW 2025 bukan sekadar pameran, tetapi manifestasi kesedaran masyarakat terhadap potensi TVET sebagai pemacu mobiliti sosial dan kemajuan luar bandar. Ia juga menjadi medan pendedahan kepada teknologi masa depan di samping memperkukuh pemerkasaan jaringan strategik antara semua pihak berkepentingan bagi membina rantaian nilai TVET negara yang kukuh dan berdaya tahan.

Penganjurannya tahun ini turut merekodkan penyertaan lebih 70 pempamer terdiri daripada agensi kerajaan, rakan strategik industri, institusi latihan awam dan swasta dan teknousahawan yang menawarkan pelbagai peluang latihan dan lebih 2,400 kekosongan kerjaya kepada golongan belia, khususnya dari kawasan luar bandar.

Pelbagai pertandingan kemahiran turut diadakan sepanjang ekspo bagi menguji keupayaan peserta dalam bidang yang dipelajari dan memastikan mereka berdaya

saing serta relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa. Antara pertandingan yang menjadi tumpuan ialah Filem Pendek AI, Fashion-Techno, Robattle, Operasi Dron dan e-Sport, yang menarik minat ramai pengunjung. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.

KKDW kekal komited untuk terus memperluas agenda pemerkasaan TVET melalui pendekatan bersepadu dan bersinergi yang melibatkan pelbagai agensi dan sektor industri. Penganjuran Ekspo TVET@KKDW akan terus menjadi acara tahunan utama dalam memperkukuh ekosistem TVET negara serta membuka lebih banyak peluang kepada belia bandar dan luar bandar untuk menerokai bidang berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran semasa dan masa hadapan, selaras dengan Dasar TVET Negara 2030 dan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
12 OKTOBER 2025